

PERATURAN PERMAINAN BOLA SEPAK 9'S
SUKAN ASASI MALAYSIA KALI KE-9 TAHUN 2026 (SAM2026)

1.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut

1.1.1 Undang-undang permainan mengikut undang-undang permainan Bola Sepak yang berkuatkuasa sebagaimana yang ditetapkan dan dikeluarkan oleh FIFA serta terjemahan oleh FAM serta Peraturan Am Sukan Asasi Malaysia Kali Ke-9 Tahun 2026 (SAM2026).

2.0 JENIS PERTANDINGAN

2.1 Pertandingan Bola Sepak 9 Sebelah, Pusat Asasi Universiti Awam Malaysia dan Kolej Matrikulasi Malaysia.

3.0 KELAYAKAN PEMAIN

3.1 Rujuk perkara 3 Peraturan Am Sukan Asasi Malaysia Kali Ke-9 Tahun 2026.

4.0 PENDAFTARAN PEMAIN / PEMBENTUKAN PASUKAN

4.1 Setiap pasukan perlu mendaftar lima belas (15) pemain.

4.1.1 Sembilan (9) Pemain

4.1.2 Enam (6) Simpanan

4.1.3 Satu (1) Pengurus Pasukan

4.1.4 Satu (1) Jurulatih

4.2 Pendaftaran Pasukan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Penganjur sebelum perlawanan pertama dimulakan.

4.3 Hanya pemain yang namanya didaftarkan dalam Borang Pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

5.0 SISTEM PERTANDINGAN

5.1 Rujuk perkara 8 Peraturan Am Sukan Asasi Malaysia Kali Ke-9 Tahun 2026.

6.0 PENENTUAN KEDUDUKAN CARTA DALAM KUMPULAN

- a) Jumlah mata tertinggi
- b) Perbezaan gol dan bolos
- c) Jumlah jaringan gol tertinggi
- d) Keputusan perlawanan antara pasukan berkaitan secara terus
- e) Penentuan sepakan penalti
- f) Mata Fair Play (sekiranya ada)

6.1 Penentuan peringkat kalah mati

Sekiranya keputusan perlawanan peringkat kalah mati berkesudahan seri setelah tamat tempoh masa perlawanan, penentuan pemenang akan ditentukan melalui:

- a) sepakan penalti dari titik penalti secara bergilir-gilir dilakukan. Jika masih seri;
- b) Sepakan secara suddent death akan dilakukan

7.0 MASA PERMAINAN & PENGANTIAN PEMAIN

- 7.1 Masa permainan ialah 7 minit bagi separuh masa pertama dan 7 minit bagi separuh masa kedua.
- 7.2 Hanya 5 orang maksimum pemain gantian dibenarkan dan dilakukan mengikut peraturan penggantian pemain FIFA.
- 7.3 Maksimum 3 orang pegawai dan enam orang pemain simpanan dibenarkan duduk di bangku simpanan.
- 7.4 Hanya seorang pegawai sahaja yang boleh memberi arahan taktikal kepada pemain dan selepas arahan tersebut pegawai berkenaan mestilah kembali ke bangku simpanan.
- 7.5 Warna pakaian pegawai dan pemain di bangku simpanan hendaklah berlainan daripada pakaian pegawai pertandingan dan pemain-pemain yang berada di dalam gelanggang.
- 7.6 Kelakuan pegawai pasukan di bangku simpanan hendaklah sentiasa bersopan dan bertanggungjawab.

8.0 BOLA PERTANDINGAN

- 8.1 Jenis bola yang akan digunakan adalah **MOLTEN F5A4800 saiz 5**.

9.0 PAKAIAN

- 9.1 Warna pasukan ialah:
 - a) Setiap pasukan mesti mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) set warna pasukan yang berlainan warna, dan hendaklah dibawa setiap perlawanan serta mesti diluluskan oleh Jawatankuasa Pengelola atau Teknikal sebelum bermulanya pertandingan.
 - b) Setiap pasukan mesti mengisytiharkan warna pasukan sebagai PTR iaitu pasukan yang disebut dahulu dalam jadual pertandingan dan mesti memakainya di dalam perlawanan tersebut. Pasukan pelawat mestilah memakai warna pasukan yang berlainan dari warna pasukan PTR.
 - c) Jika terdapat persamaan warna pasukan, dengan syarat PTR memakai warna pasukan yang diisytiharkan sebagai Tuan Rumah, maka pasukan pelawat hendaklah menukar warna pasukan tersebut dengan memakai warna pasukan set kedua atau set ketiga atau dengan apa cara sekalipun menyelesaikan masalah persamaan warna pasukan.
 - d) Jika sekiranya terdapat persamaan warna pasukan kerana PTR tidak memakai warna pasukan yang diisytiharkan sebagai warna PTR, maka PTR hendaklah menukar warna pasukan tersebut dengan memakai warna pasukan set kedua atau ke tiga atau dengan apa cara sekalipun menyelesaikan masalah persamaan warna pasukan.
 - e) Jersi atau baju bernombor dan berlengan.
 - f) Seluar Pendek / Seluar Thermal-Sama warna seluar dan baju.
 - g) Stoking

10.0 RAYUAN

10.1 Rujuk Perkara 11 Peraturan Am Sukan Asasi Malaysia Kali Ke-9 Tahun 2026.

11.0 MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

11.1 Rujuk Perkara 10 Peraturan Am Sukan Asasi Malaysia Kali Ke-9 Tahun 2026.

12.0 JURI RAYUAN

12.1 Rujuk Perkara 12 Peraturan Am Sukan Asasi Malaysia Kali Ke-9 Tahun 2026.

13.0 LEMBAGA TATATERTIB

13.1 Rujuk Perkara 13 Peraturan Am Sukan Asasi Malaysia Kali Ke-9 Tahun 2026.

14.0 HADIAH

14.1 Rujuk Perkara 14 Peraturan Am Sukan Asasi Malaysia Kali Ke-9 Tahun 2026.

15.0 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

15.1 Rujuk Perkara 18 Peraturan Am Sukan Asasi Malaysia Kali Ke-9 Tahun 2026.

SAM
2026
SUKAN ASASI MALAYSIA
KALI KE-9
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA